

## Ujian Bertulis Bahasa Melayu Tahun 6

Tiap-tiap soalan diikuti **empat** pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**. Antaranya ada **satu** sahaja jawapan yang betul. Pilih jawapan yang betul itu.

### Soalan 1 -18

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.


1. Cikgu Asri sangat garang, walau bagaimanapun \_\_\_\_\_ disukai oleh semua murid.

- A. dia                                      C. awak  
B. kita                                      D. beliau

2. "Dayang, tolong temankan \_\_\_\_\_ berjalan-jalan di taman bunga," kata Puteri Ratna Suri kepada dayang-dayang.

- A. hamba                                  C. patik  
B. tuanku                                  D. beta

**Soalan 3** berdasarkan gambar di bawah.



3. Perusahaan \_\_\_\_\_ songket memang terkenal di negeri pantai timur, iaitu di Kelantan dan di Terengganu.

4. Sebagai \_\_\_\_\_, Baiduri Hashim berjaya menghasilkan sepuluh buah novel remaja.

- A. penyair  
B. pendeta  
C. penyajak  
D. pengarang

5. Kita dapat melihat berbagai-bagai spesies ikan dan batu karang di dasar laut itu kerana airnya sangat \_\_\_\_\_.

- A. bersih                                  C. putih  
B. cerah                                  D. jernih

6. Seluar dan baju kepunyaan adik Liza semuanya \_\_\_\_\_ kerana badannya sudah berisi.

- A. ketat                                      C. singkat  
B. besar                                      D. longgar

7. Pak Wahab menabur gandum ke tanah sebagai makanan \_\_\_\_\_ anak-anak peliharaannya.

- A. oleh

- A. menekat
- B. menyulam
- C. menganyam
- D. menenun

- B. demi
- C. akan
- D. untuk

**Soalan 8** berdasarkan gambar di bawah.



8. Ikmal belajar dengan tekun \_\_\_\_\_ memperoleh keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan \_\_\_\_\_ ujian.

- A. agar... dan
- B. serta ... yang
- C. kecuali ... kerana
- D. kerana ... selagi

9. Hampir \_\_\_\_\_ peserta ekspedisi berkayak mengharungi Sungai Rejang itu bersetuju dengan cadangan ketua mereka.

- A. semua
- B. sekalian
- C. sebahagian
- D. segelintir

12. Gubahan bunga daripada daun-daun getah kering itu amat \_\_\_\_\_ kecantikannya.

- A. terpaut
- B. tersusun
- C. terserlah
- D. tersergam

13. Encik Phillip Han \_\_\_\_\_ rumah mereka sempena sambutan Tahun Baharu Cina.

- A. keindahan
- B. diindahkannya
- C. memperindah
- D. memperindahkannya

14. Dini \_\_\_\_\_ otak untuk mencari jawapan pada ruangan teka silang kata di majalah itu.

- A. memikir
- B. memutar
- C. menerjah
- D. memerah

10. Datuknya yang diserang angin

ahmar itu terlantar di \_\_\_\_\_ katil  
sejak tiga bulan lepas.

- A. atas                      C. tengah  
B. bawah                  D. hujung

11. Lidah adik \_\_\_\_\_ kerana

terhirup air kopi yang masih panas  
semasa sarapan pagi.

- A. melecet  
B. melecur  
C. merekah  
D. membengkak

16. Beberapa laras senapang patah  
telah dijumpai oleh pihak berkuasa di  
rumah \_\_\_\_\_ itu.

- A. silam                      C. lapuk  
B. usang                      D. lemau

17. Kami dapat melihat cahaya  
\_\_\_\_\_ yang hinggap pada

pokok berembang pada malam tadi.

- A. bari-bari  
B. obor-obor  
C. sibur-sibur  
D. Kunang-kunang

15. Beberapa helai \_\_\_\_\_ pada  
buku kerja Matematik yang dibelinya  
itu tidak bercetak.

- A. muka baru  
B. muka pintu  
C. muka surat  
D. muka depan

**20.** "Pada minggu ini, air laut di Pantai  
Teluk Batik pasang pada waktu  
petang," kata Ravi kepada  
kawan-kawannya.

Pilih **perkataan berlawanan** bagi  
pasang.

- A.** naik                      C. cetak  
**B.** surut                      D. dangkai

21. Dalam titah perintah tersebut,  
\_\_\_\_\_ mengharapkan rakyat  
tidak berpecah belah.

- A. baginda                      C. beta  
**B.** patik                      D. hamba

**Soalan 18** berdasarkan gambar di bawah.



18. Mak Cik Salmiah meletakkan beberapa \_\_\_\_\_ lidi di atas meja untuk dijual kepada pelanggannya.

- A. bilah                      C. berkas  
B. cekak                     D. batang

19. Berita sensasi tentang pertunangan artis wanita itu dengan seorang kerabat diraja menjadi tumpuan akhbar-akhbar tempatan.

Pilih **perkataan seerti** bagi sensasi.

- A. segar                      C. baharu  
B. heboh                     D. gempar

23. I Beg gelas yang ringan itu mudah dibawa oleh kanak-kanak.

II "Janganlah kamu ambil ringan akan hal itu," kata ibu kepada kakak.

III Soalan Matematik dalam ujian percubaan itu ringan dan mudah diselesaikan.

### Soalan 22-23

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

22. I Pokok durian di dusun Pak Din sedang bunga lebat.

II Bunga tayar kereta Waja Cikgu Lim masih elok lagi.

III Nur Hasnita menghadihkan sejambak bunga kepada guru kelasnya.

IV Kamariah terpaksa menempuh banyak bunga kehidupan sebelum berjaya.

- A. I dan II                      C. III dan IV  
B. II dan III                    D. I dan IV

25. Pilih **ayat tanya** yang sesuai bagi ayat di bawah.

Gangguan bekalan air dijangka berlaku esok dari pukul 10.00 pagi hingga pukul 10.00 malam.

A. Apakah bekalan air dijangka berlaku selama dua belas jam pada esok hari?

IV Tiga orang penumpang bas ekspres mendapat cedera ringan dalam kemalangan itu.

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

24. Pilih **jawapan** yang sesuai bagi ayat tanya di bawah.

Bilakah kamu sekeluarga akan balik bercuti dan pulang ke kampung?

- A. Kami sekeluarga sudah agak lama tidak bercuti di kampung.
- B. Bercuti di kampung sangat seronok. Tambahan pula, jika musim buah-buahan.
- C. Biasalah, kalau cuti panjang kami sekeluarga akan pulang di kampung.
- D. Pada minggu kedua cuti sekolah akhir tahun ini, kami akan pulang ke kampung.

- B. Apakah punca kepada gangguan bekalan air selama dua belas jam?
- C. Benarkah bekalan air akan berlaku selama dua belas jam pada esok hari?
- D. Bilakah dan berapa lamakah gangguan bekalan air dijangka akan berlaku esok?

### **Soalan 26-27**

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

26. "Mendermalah kepada fakir miskin," kata Ustaz Ali kepada Sofi.

- A. Ustaz Ali menasihati Sofi supaya memberikan derma kepada fakir miskin.
- B. Ustaz Ali mengarahkan Sofi supaya menyerahkan wangnya kepada fakir miskin.
- C. Ustaz Ali meminta Sofi supaya menghulurkan wang saku kepada fakir miskin.
- D. Ustaz Ali memujuk Sofi supaya mendermakan hartanya kepada golongan miskin.



sungguh baik sekali daripada keluarga itu.

33. Hidung Pak Cik Rosli kembang kempis apabila \_\_\_\_\_ aroma Kopi Tongkat Ali itu.

- A. menyedut                      C. menghidu  
B. mencium                      D. menghirup

34. \_\_\_\_\_ roda basikal abangnya bengkok kerana terlanggar lubang yang sangat dalam.

- A. Jejari                      C. Bebuli  
B. Kekisi                      D. Kekuda

35. Mak Cik Piah sedang membersihkan beberapa \_\_\_\_\_ cendawan busut yang dibelinya di pasar tani pada pagi tadi.

- A. kaki                      C. pucuk  
B. ketul                      D. batang

32. Atlet olahraga itu mengikat tali kasutnya \_\_\_\_\_ sebelum memasuki trek.

- A. kuat-kuat                      C. ketat-ketat  
B. intim-intim                      D. rapat-rapat

**38.** Setelah sembilam tahun mendirikan rumah tangga barulah pasangan suami isteri itu dapat menimang \_\_\_\_\_.

- A. puteri lilin  
B. jantung hati  
C. cahaya mata  
D. darah daging

39. Nurul dan Farah \_\_\_\_\_ kerana mereka sering bergaduh walaupun perkara yang remh-temeh sahaja.

- A. bagai isi dengan kuku  
B. bagai anjing dengan kucing  
C. bagai ayam disambar helang  
D. bagai katak di bawah tempurung

40. Warga emas yang menggunakan tongkat rotan itu berjalan \_\_\_\_\_ dan terketar-ketar.

- A. lesu                      C. lembut

36. Mia Elienza sungguh petah bercakap walaupun baru menyambut ulang tahun kelahirannya yang keempat.

Pilih **perkataan seerti** bagi petah.

- A. laju                                      C. fasih  
B. bijak                                      D. lancar

37. Apabila buah jambu batu semakin ranum vitamin dan khasiatnya akan berkurangan.

Pilih **perkataan berlawanan** bagi ranum.

- A. layu                                      C. masak  
B. muda                                      D. mengkal

**42.** Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

- I Buah manga yang masih mentah digemari oleh sesetengah orang.  
II Berkerut-kerut keningnya apabila memikirkan nasibnya yang selalu mentah.  
III Lapan puluh peratus ekonomi Negara bergantung kepada eksport bahan mentah.  
IV Pak Halim belum dapat melupakan peristiwa mentah yang menimpa keluarganya.

- B. longlai                                      D. lambat

41. Pilih ayat-ayat yang **betul**.

- A. Semoga penuhkan kerusi di bahagian hadapan.  
B. Minta kemaskan buku-buku yang ada atas meja kamu itu.  
C. Harap disebut lagi nama lelaki yang tidak bertanggungjawab.  
D. Jemput semua tetamu menikmati juadah yang sudah terhidang.

46. Komuter itu meluncur dengan \_\_\_\_\_ meninggalkan Hentian Sentul menuju ke Hentian Shah Alam.

- A. kuat                                      C. laju  
B. deras                                      D. kencang

47. Nita \_\_\_\_\_ dua baldi air di kiri dan di kanan tangannya untuk menyiram pokok bunga kertas di taman mini di halaman rumahnya.

- A. menatang                                      C. memegang  
B. membimbit                                      D. mengandar

A. I dan III                      C. III dan IV

B. II dan III                      D. I dan IV

43. Bahagian pintu kanan kereta itu \_\_\_\_\_ sedikit kerana terlanggar oleh sebuah motosikal.

A. lekuk                              C. retak

B. pipih                              D. pecah

44. Pesawah itu menggunakan \_\_\_\_\_ untuk menghalau burung pipit di bendangnya.

A. baju-baju                      C. patung-patung

B. objek-objek                      D. orang-orang

45. \_\_\_\_\_ sudah mendaftar untuk menyertai pertandingan melukis.

A. Kita                              C. Kamu

B. Saya                              D. Kami

48. Murid-murid mestilah lulus Bahasa Melayu yang merupakan \_\_\_\_\_ untuk masuk ke sekolah berasrama penuh.

A. prakata                              C. prasekolah

B. prasyarat                              D. prasarana

49. Pertandingan akhir syarahan Piala Raja Muda akan diadakan pada akhir bulan Mei 2011.

Pilih **perkataan seerti** bagi syarahan

A. pidato                              C. teater

B. debat                              D. bahas

50. Barang-barang \_\_\_\_\_ itu dilelong dengan harga yang sungguh tinggi.

A. antik                              C. usang

B. tulen                              D. pusaka

## Soalan 51 – 55

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Memorial Batu Bersurat yang terletak di kawasan Padang Tara Kampung Buluh, Kuala Berang, Hulu Terengganu merupakan suatu peringatan sejarah bagi negeri Terengganu khususnya dan Malaysia amnya. Batu Bersurat ini merupakan bukti bertulis tentang pengisytiharan Islam sebagai agama rasmi bagi negeri Terengganu dan Semenanjung Malaysia.

Memorial Batu Bersurat dibina di atas pentas yang berukuran 33 meter panjang dan 37 meter lebar. Replika Batu Bersurat tersebut diletakkan di tengah-tengah pentas yang penuh bersejarah ini. Memorial Batu Bersurat ini mempunyai reka bentuk empat segi sama yang mempunyai keluasan 11 400cm panjang  $\times$  11 400cm lebar. Bahan binaan utama Memorial Batu Bersurat ini terdiri daripada batu granit biasa dan granit hitam. Memorial ini dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Amar Diraja Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad, Menteri Besar Terengganu pada 13 April, 1992.

Batu Bersurat Terengganu yang dianggarkan berusia 700 tahun itu merupakan Batu Bersurat yang mempunyai ukiran paling tua dan tulisan Jawi pertama ditemui di Malaysia. Batu Bersurat ini membuktikan Islam telah sampai ke Terengganu sebelum 1326 atau 1386 Masihi. Batu ini ditemui separuh tenggelam selepas banjir surut di tebing Sungai Tersat di Kuala Berang, Hulu Terengganu pada tahun 1899.

Menurut sejarah, Batu Bersurat yang asal telah ditemui di Padang Tara Kampung Buluh pada tahun 1876. Batu Bersurat tersebut telah ditemui oleh Syed Hussin Ghulam al-Bukhari. Penemuan ini telah menarik minat banyak orang ketika itu kerana Batu Bersurat tersebut juga merupakan satu daripada bukti bertulis tentang kedatangan dan penyebaran agama Islam di Semenanjung Tanah Melayu.

Sejak pembinaan Memorial Batu Bersurat itu, Kampung Buluh telah menjadi tempat kunjungan para pelawat. Para pelawat terdiri daripada pelajar, peminat dan pengkaji sejarah dari dalam negeri dan luar negara. Kawasan di sekitar memorial itu telah diubah suai menjadi sebuah kawasan yang menarik dan sesuai untuk beristirahat.

Tulisan yang terpahat pada Batu Bersurat itu adalah dalam bahasa Melayu berhuruf jawi. Untuk memudahkan para pelawat memahami isi kandungan Batu Bersurat itu, tulisan jawi pada Batu Bersurat tersebut telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu bertulisan rumi. *Tulisan itu terukir* di bawah replika Batu Bersurat yang asal.

**51.**Tempat mempamerkan barang-barang yang ditemui hasil peninggalan sejarah negara kita merujuk perkataan.

- A. Replika
- B. Memorial
- C. Padang Tara
- D. Batu Bersurat

52. Berkemungkinan ada segelintir pelawat tidak dapat memahami kandungan yang tertulis pada Batu Bersurat tersebut kerana

- A.** ditulis dalam Bahasa Melayu tulisan jawi.
- B.** tulisannya sudah kabur dan kurang jelas.
- C.** ditulis dalam Bahasa Melayu tulisan rumi.
- D.** isi kandungan tulisan tersebut telah diubah suai.

**53.**Apakah tujuan utama pelajar, peminat dan pengkaji sejarah datang ke Kampung Buluh?

- A.** Mendalami ajaran agama Islam
- B.** Melawat Memorial Batu Bersurat
- C.** Beristirahat dan menenangkan fikiran
- D.** Menemui Syed Hussin Ghulam al-Bukhari

**54.**Mengapakah Batu Bersurat menarik minat para pelajar, peminat dan pengkaji sejarah?

- A.** Menyatakan penghargaan kepada Syed Hussin Ghulam al-Bukhari.
- B.** Perasmi Memorial Batu Bersurat tersebut ialah Menteri Besar Terengganu.
- C.** Menjadi salah satu bukti kedatangan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu.
- D.** Menghayati kandungan tulisan dalam Bahasa Melayu berhuruf jawi dan rumi.

**55.**Rangkai kata ***tulisan terukir*** dalam petikan bermaksud

- A. Catatan tersebut terpahat
- B. Lakaran tersebut terpamer
- C. Goresan tersebut terbentuk
- D. Salinan tersebut terkandung

**Soalan 56 – 60**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Yang saya hormati Tuan Pengacara Majlis, yang berusaha Pegawai Pelajaran Daerah Kuala Pilah, yang berusaha Pengerusi Majlis Guru Besar Daerah Kuala Pilah, guru-guru pengiring, barisan panel hakim yang arif lagi bijaksana, rakan-rakan pencadang dan seterusnya hadirin yang dihormati.

Berdirinya saya di dewan yang permai ini adalah untuk meneruskan tugas rakan saya yang pertama tadi. Selaku pihak pembangkang, saya dan rakan-rakan saya tetap membidas dengan sekeras-kerasnya tajuk perbahasan kita pada pagi ini yang berbunyi "Guru Lebih Berperanan Membentuk Peribadi Murid daripada Ibu Bapa".

Hadirin yang dihormati,

Pepatah Melayu mengatakan, bagaimana acuan, begitulah kuihnya. Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi? Pepatah tersebut mengupas tentang perangai atau tingkah laku baik dan buruk seseorang ibu bapa itu sedikit sebanyak turun kepada anaknya. Ini bermakna peribadi seseorang murid itu dipengaruhi oleh orang tuanya. Tambahan pula, ibu bapa merupakan orang yang paling rapat dan akrab dengan seseorang murid. Ibu bapa yang mengasuh, membelai dan mendidik anak-anak semenjak kecil hinggalah dewasa. Oleh itu, ibu bapa lebih berperanan membentuk peribadi seseorang murid.

Seorang murid lebih banyak menghabiskan masa di rumah, sedangkan di sekolah guru hanya mendampingi murid selama kira-kira enam jam sehari. Masa untuk guru membimbing murid itu amat terhad. Tambahan pula, mereka bertanggungjawab untuk menyampaikan pengajaran dalam mata pelajaran tertentu berpandukan buku. Seorang guru tidak dapat memberi perhatian sepenuhnya kepada seorang murid kerana bilangan murid yang banyak dalam sesebuah kelas.

Tidakkah pihak pencadang sedar bahawa sejak kecil lagi ibu bapalah atau penjaga yang telah mengenalkan kita dengan banyak perkara baharu. Ajaran kedua-dua orang ibu bapa kita mudah diingati oleh anak-anak. Jadi, tidak hairanlah apabila ibu bapa lebih berperanan dalam membentuk peribadi dan emosi murid berbanding guru.

Sidang hadirin yang dikasihi, nampaknya masa sungguh mencemburui saya. Justeru, sebelum saya mengundur diri, terimalah serangkap pantun untuk renungan bersama.

Anak dara menampi padi,  
Padi diletak di atas tangga;  
Anak muda gemilang peribadi,  
Berkat asuhan ayah dan bonda.

Sekian, terima kasih.

56. Apakah mesej dan idea utama pihak pencadang dalam pertandingan bahas tersebut?

- A. Peribadi murid terbentuk secara semula jadi.
- B. Guru lebih berperanan membentuk peribadi murid.
- C. Ibu bapa lebih berperanan membentuk peribadi murid.
- D. Guru dan ibu bapa berperanan membentuk peribadi murid.

57. Mengapakah ibu bapa lebih berperanan membentuk peribadi seseorang murid?

- A. Ibu bapa merupakan orang yang paling dihormati
- B. Ibu bapa mempunyai kuasa untuk membentuk anaknya
- C. Ibu bapa telah mengasuh, membelai dan mendidik anaknya sejak kecil
- D. Ibu bapa merupakan orang yang bertanggungjawab membesarkan anaknya

58. Anggaran masa yang dihabiskan oleh seorang murid di sekolah selama seminggu adalah

- A. 20 jam
- B. 25 jam
- C. 30 jam
- D. 35 jam

59. Pilih pernyataan yang tidak benar berdasarkan petikan.

- A. Guru banyak menghabiskan waktu mendidik emosi muridnya.
- B. Guru menyampaikan ilmu kepada murid yang terlalu ramai.
- C. Guru mendampingi murid selama enam jam sehari di sekolah.
- D. Guru mengajar mengikuti sukatan pelajaran yang telah ditentukan.

60. Rangkaian kata masa sungguh mencemburui saya membawa maksud

- A. Masa berasa iri hati terhadap pihak pembangkang
- B. Masa untuk menyampaikan hujah sudah hampir tamat
- C. Peserta perbincangan sudah kehabisan idea untuk berhujah
- D. Pihak pencadang tidak sabra untuk membidas hujah pembangkang.

